

| | | | |
|-------------|--|------------|---------------|
| Headline | Ilham Residence tampil rumah dipacu tenaga hijau | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 21 Mar 2020 | Language | Malay |
| Circulation | 82,252 | Readership | 246,756 |
| Section | Zon | Page No | 33 |
| ArticleSize | 733 cm ² | Journalist | Mahanum Abdul |
| PR Value | RM 72,816 | | |

Ilham Residence tampil rumah dipacu tenaga hijau

Projek Sime Darby Property di Elmina tawar kehidupan lebih selesa

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Sime Darby Property menampilkan pembangunan kediaman yang dipacu tenaga hijau dikenali Ilham Residence di City of Elmina, Shah Alam, Selangor.

Projek kediaman pertama yang dijana tenaga hijau di perbandaran Elmina itu menawarkan pemilik rumah peluang untuk hidup selesa dan pada masa sama menyumbang kepada penjagaan alam sekitar.

Ilham Residence adalah yang pertama daripada empat fasa di kawasan strata tanah City of

Elmina, Elmina Grove dan ia mempunyai 513 unit rumah dua tingkat bersambung pegangan bebas dengan kawasan pembangunan bermula daripada 1,387 hingga 2,341 kaki persegi.

Harganya bermula daripada RM583,999 selepas diskaun dan rebat.

Unit itu dilengkapi panel solar, meter hijau pintar serta sistem pengurusan tenaga rumah.

Ciri Penyelesaian Rumah Hijau Pintar adalah hasil perkongsian antara Sime Darby Property dan TNBX Sdn Bhd yang dimeterai pada September 2019, kerjasama pertama seumpamanya di negara ini.

Selain menguruskan penggunaan tenaga Penyelesaian Rumah Hijau Pintar, pemilik rumah juga akan dapat menjual semula tenaga yang berlebihan kepada Tenaga Nasional Bhd (TNB) di bawah skim Peman-tauan Tenaga Bersih (NEM).

Di bawah skim itu, pemilik

rumah yang membayar RM200 dan ke atas sebulan untuk elektrik, boleh menjimatkan sehingga 50 peratus bil mereka. Pengurus Besar Sime Darby Property, Appollo Leong Yong Kuan, berkata pemaju hartanah itu teruja untuk melihat maklum balas pemilik berpotensi kepada rumah hijau yang pertama di City of Elmina.

Beliau berkata, Ilham Residence direka untuk memenuhi keperluan semua jenis keluarga, daripada pasangan muda yang baru bermula kepada keluarga yang semakin berkembang dan pelbagai generasi.

"Penyelesaian Rumah Hijau Pintar juga mewujudkan kesedaran mengenai penggunaan tenaga lebih bertanggungjawab yang menangani kebimbangan seperti perubahan iklim dan peningkatan kos sara hidup.

"Pelaksanaan penyelesaian hijau juga sejajar dengan matlamat syarikat untuk mempromosikan gaya hidup yang mampan



Ilham Residence direka untuk penuhi keperluan semua jenis keluarga daripada pasangan baru berkahwin kepada keluarga besar"

Appollo Leong Yong Kuan,
Pengurus Besar
Sime Darby Property

dalam perbandaran untuk memastikan kesejahteraan semua penduduk," katanya.

Seperti semua rumah di City of Elmina, rumah Ilham Residence juga direka bentuk dan dilengkapi pelbagai nilai tambah dan ciri pelbagai generasi.

Ia termasuk ruang luas dan tidak terhalang untuk kemudahan akses, pintu keselamatan kanak-kanak, pemegang yang boleh dilipat di bilik mandi, pembesar suara Bluetooth siap dibina dan soket yang dilengkapi dengan pangkalan USB.

Ilham Residence juga menawarkan lebih 10 ekar ruang hijau interaktif, lorong belakang yang diaktifkan melalui laluan berjoging yang menghubungkan rumah ke lima taman bertema dalam pembangunan dan lebih 16 kemudahan rekreasi unik untuk semua peringkat umur termasuk rumah pokok, rumah teh, taman skate, peralatan kecerdasan luaran dan trek larian pecut.



Ilham Residence, pembangunan hartanah direka dengan ciri mesra alam dan hijau dibangunkan Sime Darby Property di City of Elmina, Shah Alam.